



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	8/1/2020	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	KeTSA / SEKTOR TENAGA			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			



SHAMSUL ANUAR (tengah) bergambar bersama tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Program Sustainable Achieved Energy Efficiency 2.0 di Kementerian Tenaga dan Sumber Asli di Putrajaya semalam.

Kosmo 8/1/2021  
m/s 16

# e-Rebat RM200 beli barang elektrik

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**PUTRAJAYA** – Kira-kira 150,000 isi rumah di seluruh negara bakal menikmati manfaat Program Sustainability Achieved Via Energy Efficiency (SAVE) 2.0 yang bermula bulan ini dengan peruntukan berjumlah RM30 juta.

Menterinya, Datuk Dr. Shamsul Anuar Nasarah berkata, orang awam yang sudah mendapatkan e-rebat sebanyak RM200 bagi program itu sudah boleh membuat pembelian alat penyaman udara atau peti sejuk cekap tenaga mulai 1 Januari lalu.

Beliau berkata, bagi pembelian barangan secara dalam talian, permohonan e-rebat melalui Shopee Malaysia juga telah

pun dibuka sejak 1 Januari lalu.

“Manakala e-rebat melalui pembelian secara fizikal boleh dinikmati mulai pada hari ini (semalam),” katanya ketika ditemui selepas melancarkan Program SAVE 2.0 di sini semalam.

Shamsul Anuar berkata, Program SAVE 2.0 menyediakan pemberian e-rebat RM200 kepada isi rumah yang membeli alat penyaman udara atau peti sejuk cekap tenaga bertaraf empat atau lima bintang buatan tempatan atau yang dikilangkan dan mendapat persijilan SIRIM atau setara di Malaysia.

Beliau berkata, rebat itu terhad kepada satu akaun sahaja bagi setiap pembelian penyaman udara atau peti sejuk dalam

tahun 2021 atau sehingga kuota habis, yang mana terdahulu.

Menurutnya, hanya warganegara Malaysia yang juga pemilik akaun elektrik tarif domestik berdaftar dengan syarikat-syarikat utiliti (TNB, SESB, SEB dan NUR Power) layak memohon.

“Pegguna boleh memohon dan dapatkan e-rebat melalui dua kaedah iaitu dengan membawa bil elektrik terkini dan membuat pembelian secara fizikal di kedai-kedai elektrik atau pasar raya berdaftar di bawah Program SAVE 2.0.

“Pembelian e-rebat juga boleh dibuat secara dalam talian menerusi platform e-dagang yang diiktiraf dan berdaftar dengan SAVE 2.0,” katanya.